

12/06/2003

Pemuda lapor polis isu fitnah

Tuan Nazuri Tuan Ismail

ALOR STAR: Pemuda Umno Kedah, semalam membuat laporan polis berhubung fitnah kononnya Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dipaksa meletakkan jawatan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketuanya, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, berkata fitnah yang disebar menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) itu amat memalukan dan mahu pihak berkuasa menyiasat pihak yang bertanggungjawab.

"Kami berharap pihak berkuasa mengambil tindakan kerana perbuatan ini bukan saja menjejaskan reputasi Syed Razak, malah memberi kesan kepada pembangunan di Kedah," katanya ketika dihubungi, semalam.

SMS yang menggunakan nama Pas Kedah sebagai pengirim turut meminta penerima menyebarkan SMS itu kepada semua ahli Pas seluruh negara.

Kandungan penuh SMS itu ialah "Panas! Syed Razak diarah letak jawatan MB

secepat mungkin oleh PM. Sebarkan segera kepada semua ahli Pas seluruh Malaysia."

Abdul Aziz yang juga Naib Ketua Pemuda Umno berkata, tiada sebab Perdana

Menteri mengarahkan Syed Razak meletak jawatan kerana beliau melakukan tugas dengan baik.

"Kami bimbang fitnah seperti ini akan menakutkan pelabur dan peniaga asing yang mahu membuka perniagaan di Kedah," katanya.

Semalam Setiausaha Akhbar Menteri Besar, Dr Sobri Sudin menafikan Syed Razak diminta meletak jawatan, sebaliknya khabar angin itu adalah fitnah bertujuan memburukkan imejnya.

Beliau berkata, sejak dilantik Menteri Besar pada 1999, Syed Razak sering difitnah musuh politiknya.

"Tetapi kali ini penyebar fitnah menggunakan taktik canggih menerusi SMS," katanya.

Dr Sobri berkata, Syed Razak sudah dimaklumkan mengenai SMS itu dan menganggapnya sebagai mainan politik, terutama menjelang pilihan raya umum.

"Ini adalah senario biasa dalam politik, terutama selepas Syed Razak mengumumkan rombakan dalam Badan Perhubungan Umno pada Ahad lalu," katanya.

Dalam rombakan kecil itu, Syed Razak melantik bekas Ketua Pemuda Umno Bahagian Merbok, Datuk Mokhzani Mahathir, sebagai Bendahari Umno Kedah mengisi kekosongan jawatan itu sejak Mac lalu.

Ketua Umno Bahagian Jerlun, Datuk Abdul Rahman Ariffin dilantik Setiausaha menggantikan Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sumber Manusia negeri, Datuk Osman Md Aji.

Rombakan itu untuk memperkukuhkan Badan Perhubungan Umno negeri bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Sementara itu, Pesuruhjaya Pas Kedah, Azizan Abdul Razak, ketika dihubungi, berkata beliau turut menerima SMS itu selepas diberitahu ahli Pas lain yang terlebih dulu menerimanya.

"Kami menjadi kambing hitam dan dipersalahkan berikutan tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang mahu menjatuhkan Syed Razak," katanya yang percaya perbuatan itu dilakukan sendiri ahli Umno yang tidak sukakan

Syed

Razak.

"Saya pun ada terima SMS ini tetapi saya tidak kisah. Kami tidak ada masa nak ambil tahu hal Umno. Kami sibuk dengan persiapan menghadapi pilihan raya umum," katanya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kedah, Asisten Komisioner Abdul Jalal Mohd Yunus, pula berkata, pihaknya belum menerima laporan mengenai fitnah menerusi SMS itu.

Januari lalu, seorang ahli politik terkenal di negeri ini turut dilontarkan fitnah menerusi SMS yang antara lain mendakwa beliau menjalinkan hubungan intim dengan anak kerabat diraja yang terkenal.